

# Calon perlu berkempen secara sihat

**Kuala Lumpur:** Calon Pilihan Raya Kampus (PRK) sesi 2013/2014, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dinasihat agar menjalankan kempen secara sihat dan tertib demi menjaga kepentingan semua pihak.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Mohamad Asin Dollah, berkata tumpuan kempen perlu diberikan kepada isu dalaman pelajar dan universiti dengan menolak sebarang unsur luar yang boleh memudaratkan proses PRK.

“Setiap calon yang bertanding ada ciri kecemerlangan serta kepemimpinan masing-masing dan seharusnya mereka bijak memastikan apa yang dikempen dapat dapat difahami, diterima dan dihayati setiap mahasiswa.

“Paling penting, kita mahu calon mendokong setiap visi dan misi universiti serta kempen diharapkan dapat dilaksanakan secara aman dan sihat, begitu juga pada hari pengundian kelak,” katanya kepada *BH*, semalam.

## Undi Rabu

Proses penamaan calon PRK USIM berlangsung lancar semalam di

Bangunan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni bermula jam 9 pagi hingga 5 petang.

Sebanyak 24 kerusi diperuntukkan iaitu lapan kerusi umum dan 16 fakulti dengan proses pengundian dijangka pada 23 Oktober ini.

Sementara itu di Georgetown, Universiti Sains Malaysia (USM) buat julung kalinya akan menggunakan sistem e-Kira pada pilihan raya kampus universiti itu bagi memastikan ketelusan dan ketepatan semasa proses pengiraan undi.

Pemangku Naib Canselornya, Profesor Dr Adnan Hussein, berkata sistem elektronik itu mampu menjimatkan masa pengiraan undi dengan hanya mengambil masa kira-kira tiga jam selepas tamat tempoh mengundi.

Katanya, jawatankuasa baru turut dibentuk oleh Majlis Perwakilan Siswa (MPS) yang terdiri daripada pakar dalam bidang sains komputer dan perundangan bagi memastikan keutuhan dan integriti sistem terbabit.

## Pengundian Khamis ini

“Sistem ini akan melalui bebe-

rapa peringkat sebelum kertas undi dimasukkan ke dalam e-Kira dengan kertas undi akan disusun terlebih dulu untuk mengasingkan kertas yang rosak sebelum diimbaskan oleh sistem.

“Selain itu, sistem ini juga akan menolak mana-mana kertas undi yang tidak mematuhi syarat pemi-

lian,” katanya di USM, semalam.

Pilihan raya kampus USM akan diadakan pada Khamis ini dengan menyaksikan 27 pusat pengajian di tiga kampus universiti akan dipertandingkan.

Selain itu, bagi kerusi umum, seramai 17 calon akan bertanding di tiga kampus USM iaitu 13 calon di kampus induk, dua calon di kampus kesihatan dan dua calon di kampus kejuruteraan.

**“Paling penting, kita mahu calon mendokong setiap visi dan misi universiti serta kempen diharap dapat dilaksanakan secara aman dan sihat”**

**Mohamad Asin Dollah,**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM



Antara barisan calon **Pro-Mahasiswa** yang bertanding merebut kerusi pada Pilihan-raya Kampus Universiti Sains Malaysia (USM).